| M/S | TAJUK BERITA | TARIKH | SUMBER |
| --- | --- | --- | --- |
| 3-4 | PUSAT LATIHAN TVET DI GUA MUSANG DIJANGKA MULA BEROPERASI SUKU KETIGA TAHUN INI | 4 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 5-7 | TVET BUKAN SEKADAR LALUAN KEDUA, JADI PLATFORM UTAMA LAHIR KERJA KOMPETITIF | 5 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 8-10 | TOPIK AI PERLU DIINTEGRASI DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN PERING-KAT RENDAH HINGGA TINGGI | 6 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 11 | KPT TO CONTINUE DIALOGUE WITH INDUSTRY PLAYERS TO ENHANCE STUDENT UPSKILLING | 9 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 12 | HI-TVET STRENGTHENED WITH FOCUS ON ROBOTICS, LOT, AI | 11 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 13 | ALL FULLY RESIDENTIAL SCHOOLS IMPLEMENTING STEM PACKAGES | 13 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 14 | ACT555 SUFFICIENT TO CURB AWARDING OF FAKE CERTIFICATES BY UNIVERSITIES | 13 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 15 | JPPKK PLANS TO EXPAND TVET COOPERATION WITH RUSSIAN INSTITU-TIONS | 15 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 16 | UNGKU OMAR POLITECHNIC TO SEND INITIAL EX-KURUNG REPORT TO KPT TOMORROW | 18 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |

| M/S | TAJUK BERITA | TARIKH | SUMBER |
|---|---|---|---|
| 17 | MOE TO LAUNCH MULTI-STOREY SCHOOL PILOT PROJECT THIS YEAR | 20 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 18 | SEMMOZHI SANGAMAM 2025 DEBATE STRENGTHENS TAMIL APPRECIATION AMONG UNIVERSITY STUDENTS | 22 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 19 | EMPLOYABILITY OF TVET GRADUATES HAS SURPASSED 90 PERCENT | 22 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 20 | BEHIND BARS, BEYOND EXPECTATIONS:RAYA COOKIES GO VIRAL | 24 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 21 | UP_TVET PERDANA APPLICATIONS FOR JULY 2025 INTAKE OPEN FROM APRIL 14 TO JUNE 15 | 24 MAC 2025 | BERNAMA ONLINE |

BERNAMA
4 MAC 2025
BERNAMA ONLINE|PUSAT LATIHAN TVET DI GUA MUSANG DIJANGKA MULA BEROPERASI SUKU KETIGA TAHUN INI

# Pusat Latihan TVET Di Gua Musang Dijangka Mula Beroperasi Suku Ketiga Tahun Ini - KKDW

04/03/2025 02:41 PM



KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Pusat latihan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Gua Musang dijangka mula beroperasi pada suku ketiga tahun ini, menurut Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

KKDW memaklumkan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) kini dalam proses menaik taraf bangunan untuk dijadikan pusat latihan TVET kepada golongan sasar terutamanya belia termasuk generasi kedua peneroka di kawasan Kelantan Selatan.

"Pada fasa awal ini, pelaksanaan program latihan akan dijalankan melalui usahasama strategik bersama pengendali latihan yang berkelayakan dan bertauliah," menurut KKDW menerusi jawapan bertulis yang disiarkan di laman sesawang Parlimen hari ini.

Kementerian itu menjawab soalan yang dikemukakan Ahli Parlimen Gua Musang Mohd Azizi Abu Naim yang ingin tahu status cadangan pembinaan institusi TVET di Gua Musang sebagaimana pengumuman Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah bagi memberi latihan dan peluang pekerjaan kepada anak-anak peneroka KESEDAR.

Bagi memenuhi keperluan jangka panjang, kementerian itu berkata KESEDAR merancang mengembangkan pusat latihan berkenaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dengan membangunkan pusat latihan yang lebih lengkap dan diiktiraf.

KKDW memaklumkan pusat itu dijangka berupaya melahirkan sekurang-kurangnya 200 tenaga kerja mahir dan separa mahir dalam kalangan belia tempatan termasuk masyarakat Orang Asli.

BERNAMA

5 MAC 2025

BERNAMA ONLINE|TVET BUKAN SEKADAR LALUAN KEDUA, JADI PLATFORM UTAMA LAHIR KERJA KOMPETITIF

# TVET Bukan Sekadar Laluan Kedua, Jadi Platform Utama Lahir Tenaga Kerja Kompetitif

05/03/2025 11:43 AM



KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kini bukan lagi sekadar laluan kedua, sebaliknya menjadi platform utama dalam membentuk tenaga kerja kompetitif, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan membuka peluang pekerjaan tanpa sempadan.

Presiden Yayasan Mahir Malaysia Datuk Sri Ganes Palaniapan, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif SG TVET Group berkata TVET mampu menjadi penyelesaian kepada pelajar kurang cenderung kepada akademik tetapi memiliki kebolehan teknikal serta praktikal yang tinggi.

“Langkah memperluaskan akses kepada TVET dan memperkenalkan lebih banyak program yang selari dengan keperluan industri dilihat sebagai usaha penting dalam menangani isu keciciran pelajar daripada sistem pendidikan konvensional,” katanya pada majlis perasmian Akademi Latihan Industri Digital Siemens di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Perai, Pulau Pinang baru-baru ini.

Majlis yang dirasmikan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia Datuk Azman Mohd Yusof itu turut menyaksikan pemeteraian memorandum perjanjian (MoA) antara SG TVET Group dan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) bagi menjalin kerjasama strategik dalam pelaksanaan program latihan berasaskan TVET.

Sri Ganes berkata tidak hanya terbatas pada latihan awal, laluan TVET juga menyediakan peluang keusahawanan dan peningkatan kemahiran sepanjang hayat, yang memberi ruang kepada individu untuk berkembang dalam pelbagai bidang, sekali gus membuka peluang memulakan perniagaan sendiri.

Beliau berkata TVET kini dikenali sebagai pilihan bijak bagi mereka yang ingin membina kerjaya yang stabil dan berdaya saing pada masa depan, dengan kelayakan bertaraf antarabangsa yang diiktiraf industri, sekali gus meningkatkan daya saing dan pengiktirafan graduan TVET di peringkat lebih luas.

“Sebagai contoh, Akademi Latihan Industri Digital Siemens yang menawarkan program pensijilan berkembar daripada Siemens dan JTM dilihat memberikan kelebihan kepada graduan TVET dalam pasaran kerja,” katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

6 MAC 2025

BERNAMA ONLINE|TOPIK AI PERLU DIINTEGRASI DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN PERINGKAT RENDAH HINGGA TINGGI

# Topik AI Perlu Diintergasi Dalam Kurikulum Pendidikan Peringkat Rendah Hingga Tinggi

06/03/2025 05:42 PM



KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Kerajaan perlu mengintegrasikan topik kecerdasan buatan (AI) dan sains data ke dalam kurikulum pendidikan di peringkat rendah sehingga pendidikan tinggi, untuk melatih rakyat agar mahir dengan teknologi baharu itu.

Senator Datuk Nelson W Angang berkata langkah itu antara strategi utama yang perlu diberi tumpuan dalam sektor pendidikan pada masa ini.

"Latihan semula dan menambah kemahiran memberi peluang kepada tenaga kerja untuk mempelajari kemahiran baharu berkaitan dengan teknologi AI, seperti pengaturcaraan analisis data dan celik digital," katanya ketika sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara hari ini.

Beliau berkata budaya pembelajaran berterusan perlu digalakkan supaya rakyat bermotivasi untuk mengemas kini kemahiran secara berkala sepanjang kerjaya mereka.

Nelson turut mencadangkan supaya kerajaan meningkatkan kerjasama antara pihak akademia dan industri untuk menggalakkan penggunaan AI secara bertanggungjawab dalam masa sama menangani cabaran tenaga kerja mahir.

Beliau berkata kesedaran awam juga perlu ditingkatkan berhubung kesan AI terhadap masyarakat, ekonomi dan pelbagai industri melalui seminar, forum awam dan kempen maklumat.

Dalam pada itu, Senator Datuk Rosni Sohar mencadangkan kepada Menteri Pendidikan agar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) diperkenalkan di peringkat sekolah rendah melalui silibus atau kegiatan luar bilik darjah.

"Para guru, terutamanya kaunselor di sekolah, yang selama ini menjadi agen penerangan hala tuju murid selepas tamat persekolahan, perlu diberikan latihan dengan lebih mendalam mengenai peluang yang ditawarkan TVET, agar mereka dapat menyampaikan maklumat ini dengan lebih berkesan," katanya.

Rosni turut mencadangkan agar Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis TVET Negara Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, untuk mengadakan kempen kesedaran yang lebih menyeluruh mengenai kerjaya TVET, dengan melaksanakan inisiatif yang lebih rancak, baik secara fizikal seperti karnival, media sosial, serta saluran digital.

Persidangan Dewan Negara bersambung pada Isnin.

-- BERNAMA

BERNAMA

9 MAC 2025

BERNAMA ONLINE|KPT TO CONTINUE DIALOGUE WITH INDUSTRY PLAYERS TO ENHANCE STUDENT UPSKILLING

# KPT To Continue Dialogue With Industry Players To Enhance Student Upskilling - Zambry

09/03/2025 11:06 PM



BERNAMA

11 MAC 2025

BERNAMA ONLINE|HI-TVET STRENGTHENED WITH FOCUS ON ROBOTICS, LOT, AI

# Hi-TVET Strengthened With Focus On Robotics, IoT, AI - Ahmad Zahid

11/03/2025 05:24 PM




Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

BERNAMA

13 MAC 2025

BERNAMA ONLINE|ALL FULLY RESIDENTIAL SCHOOLS IMPLEMENTING STEM PACKAGES

# All Fully Residential Schools Implementing Stem Packages - MOE

13/03/2025 02:24 PM



BERNAMA

13 MAC 2025

BERNAMA ONLINE|ACT555 SUFFICIENT TO CURB AWARDING OF FAKE CERTIFICATES BY UNIVERSITIES

# Act 555 Sufficient To Curb Awarding Of Fake Certificates By Universities - Zambry

13/03/2025 04:24 PM



BERNAMA
15 MAC 2025
BERNAMA ONLINE|JPPKK PLANS TO EXPAND TVET COOPERATION WITH RUSSIAN INSTITUTIONS

# JPPKK Plans To Expand TVET Cooperation With Russian Institutions

15/03/2025 08:22 PM




Ketua Pengarah JPPKK fb

BERNAMA

18 MAC 2025

BERNAMA ONLINE|UNGKU OMAR POLITECHNIC TO SEND INITIAL EX-KURUNG REPORT TO KPT TOMORROW

# Ungku Omar Polytechnic To Send Initial Ex-Kurung Report To KPT Tomorrow

18/03/2025 12:53 PM



BERNAMA

20 MAC 2025

BERNAMA ONLINE|MOE TO LAUNCH MULTI-STOREY SCHOOL PILOT PROJECT THIS YEAR

# MOE To Launch Multi-storey School Pilot Project This Year

20/03/2025 09:27 PM



BERNAMA

22 MAC 2025

BERNAMA ONLINE|SEMMOZHI SANGAMAM 2025 DEBATE STRENGTHENS TAMIL APPRECIATION AMONG UNIVERSITY STUDENTS

# Semmozhi Sangamam 2025 Debate Strengthens Tamil Appreciation Among University Students

22/03/2025 10:42 PM



BERNAMA

22 MAC 2025

BERNAMA ONLINE|EMPLOYABILITY OF TVET GRADUATES HAS SURPASSED 90 PERCENT

# Employability Of Tvet Graduates Has Surpassed 90 Percent - Fadhlina

22/03/2025 08:33 PM



BERNAMA

24 MAC 2025

BERNAMA ONLINE|BEHIND BARS, BEYOND EXPECTATIONS:RAYA COOKIES GO VIRAL

# Behind Bars, Beyond Expectations: Raya Cookies Go Viral

24/03/2025 10:08 AM



BERNAMA

24 MAC 2025

BERNAMA ONLINE|UP_TVET PERDANA APPLICATIONS FOR JULY 2025 INTAKE OPEN FROM APRIL 14 TO JUNE 15

# UP_TVET Perdana Applications For July 2025 Intake Open From April 14 To June 15

24/03/2025 05:05 PM

